

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)**

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan bilangan penerima bantuan kebajikan di Kawasan Parlimen
Klang serta jumlah bantuan kewangan serta pecahan kaum dari tahun
2010 ke 2015.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan perkhidmatan dan bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup.

Bagi kawasan Parlimen Klang, bilangan penerima bantuan dan jumlah bantuan yang telah disalurkan dari tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	ORANG	RM
2010	2,029	4,889,640
2011	2,509	6,803,40
2012	2,339	6,322,170
2013	2,064	7,332,580
2014	2,297	6,368,847
2015	2,161	6,707,965

Manakala jumlah penerima bantuan JKM di kawasan Parlimen Klang mengikut etnik adalah seperti berikut:

ETNIK	TAHUN					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Melayu	784	934	827	721	892	812
Cina	543	703	567	522	551	530
India	702	872	945	821	854	819
Lain-lain	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	2,029	2,509	2,339	2,064	2,297	2,161